

The 6th International Malaysian Studies Conference (MSC6)

Engaging Malaysian Modernity 50 Years and Beyond

5-7 August 2008 | Crowne Plaza Riverside Hotel, Kuching



KESESUAIAN KERJAYA DALAM BIDANG KEGURUAN DENGAN BIG-FIVE PERSONALITY BAGI PELAJAR PENDIDIKAN TEKNIKAL DI MALAYSIA

Author	Kahiroi bin Mohd. Salleh, Nurhasliza binti Rosli, Nor Lisa binti Sulaiman, Badaruddin bin Ibrahim, Mohamad Zaid bin Mustafa
Title & Position	
Institution	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PRINCIPAL CONVERNOR:
Malaysian Social Science Association (PSSM)

CO-CONVERNER & HOST:
**The Faculty of Social Sciences
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**

CO-CONVERNER:
**Institute of Malaysian & International Studies (IKMAS)
Institute of Occidental Studies (IKON)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

**Kesesuaian Kerjaya Dalam Bidang Keguruan Dengan
Big-Five Personality Bagi Pelajar Pendidikan
Teknikal Di Malaysia**

¹Kahiroh bin Mohd. Salleh, ²Nurhasliza binti Rosli,
³Nor Lisa binti Sulaiman, ⁴Badaruddin bin Ibrahim,
⁵Mohamad Zaid bin Mustafa

Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia

ABSTRAK

Peningkatan kualiti pendidikan bertaraf dunia menjadi salah satu agenda yang penting bagi menjadikan sektor ini, sesuatu yang menguntungkan Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dimensi personaliti yang bersesuaian dengan pemilihan kerjaya dalam bidang keguruan bagi pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Dimensi tersebut yang dikenali sebagai *big five-personality* terdiri daripada dimensi *openness*, *conscientiousness*, *extraversion*, *agreeableness* dan *neuroticism*. Perbezaan dari segi jantina dalam pemilihan profesion ini juga dikenalpasti. Metodologi kajian yang digunakan adalah penyelidikan deskriptif dengan menggunakan teknik soal selidik bagi memperoleh data berbentuk kuantitatif. Dengan menggunakan perisian SPSS, skor min dan peratusan kekerapan diperihalkan. Bagi mendapatkan hubungan antara dimensi personaliti dengan pemilihan kerjaya dalam bidang keguruan, korelasi Pearson digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya dimensi personaliti yang dikaji dalam diri responden dengan skor min purata adalah pada tahap tinggi. Terdapat hubungan di antara kelima-lima dimensi personaliti dengan bidang keguruan dimana empat daripada lima dimensi personaliti tersebut mempunyai hubungan yang positif dengan pemilihan kerjaya keguruan.

PENGENALAN

Pendidikan dapat melahirkan warganegara yang bertamadun dan membangun. Ini semua bergantung pada kualiti pendidikan yang diterima pendidik. Tujuan utama pendidikan ialah berusaha menuju ke arah pembentukan warganegara yang berilmu, taat setia, bertanggungjawab dan berkebolehan. Dalam perhubungan pemilihan kerjaya, identiti atau personaliti menjadi isu yang penting. Personaliti yang terbina daripada pelbagai jenis pengaruh tidak semestinya datang dari dalam diri individu terbabit. Personaliti mungkin dipengaruhi oleh sosial iaitu jantina, kedudukan, penempatan, agama, budaya, bahasa dan politik. Selain itu, pembinaan personaliti atau identiti memerlukan bentuk-bentuk konflik sosial yang berbeza (Grubb, 2002).

Peralihan daripada alam persekolahan kepada alam pekerjaan menjadi isu yang hangat dalam memutuskan pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan dimensi personaliti (Atchoarena, 2000). Pemilihan kerjaya yang sesuai dengan personaliti dalam bidang keguruan juga semakin mencabar. Cabaran ini wujud kerana bidang keguruan merupakan tunjang utama dalam melahirkan warganegara yang seimbang iaitu dapat mengembangkan potensi pelajarnya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Pendidik bukan sahaja harus bersedia dari segi ilmu dan kemahiran tetapi harus juga bersedia dari segi personaliti. Ia merupakan perkara asas dalam kecemerlangan kerjaya dalam profesion keguruan. Personaliti yang baik dan menarik dapat dijadikan teladan kepada pelajar dan juga dapat meningkatkan prestasi kerja dalam bidang keguruan. Ini disebabkan komitmen yang tinggi dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Seorang pendidik yang menunjukkan sikap peramah, mudah mesra, penyayang dan sebagainya dapat menarik minat pelajar untuk belajar (Nor Azrin, 2005).

Berdasarkan keperluan dan peranan yang dimainkan oleh pendidik, martabat dalam bidang keguruan perlu ditingkatkan. Ini adalah sejajar dengan dasar pendidikan negara yang ingin meningkatkan tahap profesionalisme keguruan. Peningkatan kualiti pendidikan bertaraf dunia menjadi salah satu agenda yang penting bagi menjadikannya salah satu sektor yang boleh menguntungkan negara. Bagi persediaan ke arah profesion keguruan, bakal-bakal pendidik perlu dilihat dari aspek sikap, pengetahuan dan kemahiran kerana latar belakang dalam sikap dan sahsiah boleh mempengaruhi budaya kerja dan kualiti perkhidmatan apabila berkhidmat kelak (Kamalul Hayat Raman, 2005).

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dimensi personaliti yang bersesuaian dengan pemilihan kerjaya dalam bidang keguruan. Selain itu, perbezaan antara jantina dalam pemilihan kerjaya keguruan juga dikaji. Ini adalah penting supaya kerjaya yang dipilih selari dengan minat, sikap, kebolehan, kemahiran dan sebagainya. Kajian jenis personaliti ini akan dilakukan ke atas pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

SKOP KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada lima dimensi personaliti berlandaskan skop-skop kajian. Dimensi personaliti yang dikaji adalah *openness*, *conscientiousness*, *extraversion*, *agreeableness* dan *neuroticism*. Kajian juga melihat perhubungan di antara setiap jenis personaliti dengan kerjaya dalam bidang keguruan, serta faktor-faktor yang mempengaruhi personaliti iaitu faktor diri sendiri, faktor ganjaran dan faktor persekitaran. Kajian tertumpu kepada pelajar Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV), Fakulti Pendidikan Teknikal di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) seramai 69 orang.

METODOLOGI

Kajian adalah berbentuk tinjauan deskriptif di mana data diperolehi daripada edaran borang soal selidik kepada responden. Borang soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A yang melibatkan maklumat demografi responden. Bahagian B pula mengandungi item-item yang berkaitan dengan dimensi personaliti yang mempengaruhi kerjaya dalam bidang keguruan. Pengkaji menggunakan skala Likert 5 mata. Aras persetujuan tertinggi pada skala Likert ini adalah skala 5 yang menunjukkan aras Sangat Setuju manakala aras terendah adalah 1 yang menunjukkan aras Sangat Tidak Setuju. Bahagian C adalah soalan yang berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi kerjaya dalam bidang keguruan disoal. Bahagian ini juga menggunakan skala Likert 5 mata. Bahagian D pula melibatkan pendapat terhadap dimensi personaliti dengan kerjaya dalam bidang perpendidikan. Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis terlebih dahulu dilakukan untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Kaedah kutipan data tinjauan yang dilaksanakan pengkaji ialah kaedah tadbir sendiri. Kaedah kajian ini juga memilih jenis sampel bertujuan dalam populasi. Daripada soal selidik yang diedarkan data yang diperolehi ialah data kuantitatif, yang mana data ini dapat mengukur tentang angka, skor dan kekerapan. Lokasi kajian ialah di Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah jenis sampel bertujuan. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti terlebih dahulu responden dan menghantar borang soal selidik kepada setiap responden yang dikenal pasti. Bagi kajian ini, sampel yang terlibat terdiri daripada pelajar Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional seramai 69 orang yang mengambil kursus keguruan pada semester 1. Sampel ini mewakili populasi pelajar yang telah mengikuti bidang keguruan dan akan berkhidmat sebagai pendidik apabila bergraduan.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan skor min dan tahap skor min. Nilai min keseluruhan yang diperolehi bagi setiap faktor ditafsirkan mengikut skala yang ditetapkan sebagai ukuran. Interpretasi tahap julat skor min adalah seperti berikut:

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 5.00	Tinggi

Persoalan kajian: *Adakah wujudnya lima dimensi personaliti dalam diri bakal pendidik?*

1. Dimensi *Openness*

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi iaitu pada Jadual 1, didapati skor min yang tertinggi (3.92) adalah pada item kedua iaitu kebanyakan responden suka memberi pendapat atau idea. Peratusan bagi item tersebut adalah 78%. Manakala, item terendah dengan skor min 3.65 adalah pada item kedua iaitu responden seorang yang kreatif. Julat peratusan bagi dimensi *openness* adalah di antara 73% hingga 78%. Skor min keseluruhan bagi dimensi *openness* adalah 3.78 yang bersamaan dengan 76%.

Jadual 1: Skor Min Dan Tahap Bagi Dimensi *Openness*

Bil	Item	Skor min	Tahap
1	Saya seorang yang kreatif	3.65	Tinggi
2	Saya suka memberi pendapat / idea	3.92	Tinggi
3	Saya seorang yang berfikiran tajam	3.77	Tinggi
4	Saya suka berimajinasi	3.88	Tinggi
5	Saya mempunyai akal yang berdaya cipta	3.71	Tinggi
Skor keseluruhan		3.78	Tinggi

2. Dimensi *Conscientiousness*

Daripada Jadual 2, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa item kedua iaitu saya seorang yang boleh dipercayai mendapat skor min yang tertinggi. Skor min tersebut adalah 4.25 yang bersamaan dengan 85%. Tetapi, skor min rendah iaitu 3.85 yang bersamaan dengan 77% adalah bagi item saya seorang tekun menyiapkan kerja. Berdasarkan analisis yang dibuat, skor keseluruhan bagi dimensi *conscientiousness* adalah 4.04 yang bersamaan dengan 81%. Tafsiran min bagi dimensi ini adalah pada tahap tinggi.

Jadual 2: Skor Min Dan Tahap Bagi Dimensi *Conscientiousness*

Bil	Item	Skor min	Tahap
1	Saya berhati-hati semasa melakukan kerja	4.00	Tinggi
2	Saya seorang yang boleh dipercayai	4.25	Tinggi
3	Saya seorang yang tekun menyiapkan kerja	3.85	Tinggi
4	Saya melakukan kerja dengan teratur	3.92	Tinggi
5	Saya mengambil berat terhadap orang lain	4.17	Tinggi
Skor keseluruhan		4.04	Tinggi

3. Dimensi *Extraversion*

Berdasarkan analisis pada Jadual 3, didapati julat skor min bagi dimensi *extraversion* adalah di antara 3.81 (76%) hingga 4.23 (85%). Item ke tiga iaitu saya suka bergaul dengan orang ramai merupakan item yang tertinggi. Manakala item terendah adalah bagi item kelima iaitu saya seorang yang energetik. Skor min keseluruhan bagi dimensi *extraversion* adalah 3.95 iaitu bersamaan dengan 79% adalah pada tahap tinggi.

Jadual 3: Skor Min dan Tahap Bagi Dimensi *Extraversion*

Bil	Item	Skor min	Tahap
-----	------	----------	-------

1	Saya seorang yang peramah	3.92	Tinggi
2	Saya seorang yang aktif / bertenaga	3.90	Tinggi
3	Saya suka bergaul dengan orang lain	4.23	Tinggi
4	Saya mudah mesra dengan semua orang	3.88	Tinggi
5	Saya seorang yang energetik	3.81	Tinggi
Skor keseluruhan		3.95	Tinggi

4. Dimensi *Agreeableness*

Dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis yang dibuat terhadap dimensi *agreeableness* ditunjukkan pada Jadual 4. Peratusan yang tertinggi iaitu 85% yang bersamaan dengan 4.27 bagi skor min adalah untuk item saya seorang yang penyayang. Manakala, item yang terendah adalah item saya suka berterus-terang dengan skor min 3.60 iaitu dengan peratusan sebanyak 72%. Skor min keseluruhan bagi dimensi *agreeableness* adalah 4.04 yang bersamaan dengan 81%. Tafsiran min bagi dimensi ini adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4: Skor Min Dan Tahap Bagi Dimensi *Agreeableness*

Bil	Item	Skor min	Tahap
1	Saya suka membantu orang lain	4.19	Tinggi
2	Saya seorang yang pemaaf	4.04	Tinggi
3	Saya seorang yang penyayang	4.27	Tinggi
4	Saya suka bekerjasama dengan orang lain	4.08	Tinggi
5	Saya suka berterus-terang	3.60	Tinggi
Skor keseluruhan		4.04	Tinggi

5. Dimensi *Neuroticism*

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi pada Jadual 5, menunjukkan skor min dan peratusan yang diperolehi setelah analisis dilakukan terhadap dimensi *neuroticism*. Peratusan tertinggi iaitu 73% yang bersamaan dengan 3.65 adalah bagi item saya mempunyai emosi yang stabil. Item yang terendah adalah bagi item saya mudah naik angin. Perbezaan skor min sebanyak 0.71 yang bersamaan dengan 14% adalah bagi item yang tertinggi dan yang terendah. Dimensi ini berada pada tahap sederhana bagi tafsiran skor min keseluruhannya.

Jadual 5: Skor Min dan Tahap Bagi Dimensi *Neuroticism*

Bil	Item	Skor min	Tahap
1	Saya mudah berasa cemas	3.60	Tinggi
2	Saya mempunyai emosi yang stabil	3.65	Tinggi
3	Saya mudah naik angin	2.94	Sederhana
4	Saya seorang yang sensitif	3.60	Tinggi
5	Saya mudah berasa sedih	3.21	Sederhana
Skor keseluruhan		3.40	Sederhana

Dimensi Personaliti Responden

Hasil daripada dapatan yang diperolehi melalui analisis yang dilakukan, Jadual 6 dapat dibina. Berdasarkan jadual tersebut di dapati bahawa dimensi tertinggi yang terdapat pada pelajar Sarjana PTV semester I adalah dimensi *conscientiousness*. Bilangan responden yang mempunyai dimensi tersebut adalah seramai 24 orang yang bersamaan dengan 30%. Manakala, 5 orang responden dengan peratusan sebanyak 6% mempunyai dimensi *neuroticism*. Seramai 10 orang responden yang bersamaan dengan 13% mempunyai dimensi *openness*. 19 orang responden dengan peratusan sebanyak 25% pula mempunyai dimensi *extraversion* dan selebihnya mempunyai dimensi *agreeableness* iaitu sebanyak 26% yang bersamaan dengan 20 orang responden.

Jadual 6: Bilangan Responden, Skor Min dan Tahap Bagi Dimensi Personaliti

Dimensi Personaliti	Bilangan Responden	Skor Min	Tahap
<i>Openness</i>	10	3.78	Tinggi
<i>Conscientiousness</i>	24	4.04	Tinggi
<i>Extraversion</i>	19	3.95	Tinggi
<i>Agreeableness</i>	20	4.04	Tinggi
<i>Neuroticism</i>	5	3.40	Sederhana

Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa kelima-lima dimensi personaliti wujud dalam diri pelajar Sarjana PTV semester I di UTHM. Peratusan tertinggi di antara kelima-lima personaliti tersebut adalah dimensi *conscientiousness* sebanyak 30%. Manakala dimensi *agreeableness*, *extraversion*, *openness* dan *neuroticism* masing-masing dengan 26%, 25%, 13% dan 6%.

Kelima-lima dimensi personaliti tersebut adalah tergolong dalam kategori sosial yang berkaitan dengan kognitif, afektif dan kelakuan seorang yang bakal bergelar pendidik (Feshbach *et al.*, 1996; Heinström, 2003). Keadaan ini adalah bersesuaian dengan ciri-ciri pendidik di mana kerjaya dalam bidang keguruan memerlukan seorang pendidik yang mempunyai sifat dan kualiti profesional serta bersifat dinamik iaitu berupaya menyesuaikan diri untuk menghadapi perubahan dari masa ke semasa (Lew, 1977; Mok Soon Sang, 2002).

Selain itu, seorang pendidik memerlukan penglibatan tiga aspek penting iaitu sahsiah, pengetahuan dan kemahiran dalam pendekatan pengajaran (Freiberg, 1999; Mok Soon Sang, 2000; Power, 2000; Rusli Amir, 2001; Azizi Yahaya *et al.*, 2005), mempunyai tanggungjawab dan memberi komitmen tinggi dalam profesion ini (Moran *et al.*, 2001), mempunyai sikap jujur dan ikhlas semasa mengajar (Freiberg, 1999), mendidik, membimbing serta melahirkan generasi yang bertanggungjawab untuk merealisasikan Wawasan 2020 (Mok Soon Sang, 2000) dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Walker, 2004).

Personaliti amat penting dalam diri setiap individu. Ini kerana personaliti merupakan penentu dalam kerjaya yang diceburi supaya peningkatan prestasi kerja, ketekunan dan kesanggupan dalam kerjaya yang dipilih. Sikap tersebut merupakan perkara yang dapat dilakukan apabila mempunyai personaliti yang bersesuaian dengan kerjaya yang dipilih (Feshbach *et al.*, 1996). Menurut Lounsbury *et al.* (2005), pemilihan

kerjaya memberi kesan positif terhadap individu dengan menyumbang kepada identiti dan kecekapan psikososial serta membantu dalam memahami kesahihan bagi pemilihan kerjaya.

Oleh yang demikian, personaliti memberi impak kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Ini terbukti kerana personaliti mempengaruhi dalam pengajaran seorang pendidik supaya dapat mencapai pengajaran yang berkesan (Lew, 1977; Gordon and Yocke, 1998; Azizi Yahaya *et al.*, 2005). Bagi seorang pendidik, personaliti dirinya mempengaruhi gaya pengajarannya di dalam kelas mahupun di luar kelas dan memberi kesan kepada pengajaran pendidik dan juga pembelajaran pelajarannya (Ee Ah Meng (1992; Talbott, 2005). Menurut Lew (1977), personaliti pendidik berkait rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran secara domain kognitif, afektif dan psikomotor.

Justeru itu, personaliti merupakan tunggak utama kerana personaliti dapat memberi impak kepada bidang keguruan. Secara langsung mahupun tidak langsung, personaliti seorang pendidik mempunyai kaitan dengan bidang pendidikan terutamanya dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran. Selain itu juga, personaliti yang baik dapat dijadikan contoh kepada pelajar khususnya dan masyarakat sekeliling amnya. Maka, personaliti yang bersesuaian dengan pemilihan kerjaya dalam bidang keguruan penting bagi meningkatkan bidang pendidikan di negara ini untuk pembangunan modal insan yang seimbang.

Persoalan kajian: *Hubungan Dimensi Personaliti Dengan Pemilihan Kerjaya Dalam Bidang Keguruan.*

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, hubungan antara dimensi personaliti dengan pemilihan kerjaya dalam bidang keguruan dilakukan. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa empat daripada lima dimensi personaliti tersebut mempunyai perhubungan yang positif. Dimensi tersebut adalah *openness*, *conscientiousness*, *extraversion* dan *agreeableness*. Manakala dimensi *neuroticism* mempunyai perhubungan yang negatif dengan bidang keguruan.

Kekuatan korelasi antara dimensi personaliti dengan pemilihan dalam bidang keguruan adalah pada tahap lemah dan sangat lemah. Pekali korelasi yang tertinggi adalah untuk dimensi *openness* iaitu sebanyak 0.31 dan diikuti oleh dimensi *agreeableness* dengan pekali korelasi 0.21. Pekali korelasi yang terendah adalah 0.01 iaitu bagi dimensi *conscientiousness*.

Jadual 7: Hubungan Dimensi Personaliti Dengan Pemilihan Bidang Keguruan

Dimensi Personaliti	Pekali Korelasi	Kekuatan korelasi
<i>openness</i>	0.31	Lemah
<i>conscientiousness</i>	0.01	Sangat lemah
<i>extraversion</i>	0.17	Sangat lemah
<i>agreeableness</i>	0.21	Sangat lemah
<i>neuroticism</i>	-0.14	Lemah

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kelima-lima dimensi personaliti tersebut mempunyai hubungan dengan kerjaya dalam bidang keguruan. Menurut Barrick *et al.* (2003), personaliti yang perlu ada dalam diri setiap individu terdiri daripada lima dimensi personaliti tersebut yang dikenali sebagai *big five-personality*. Empat daripada lima dimensi personaliti tersebut mempunyai hubungan yang positif dengan kerjaya dalam bidang keguruan iaitu dimensi *openness*, *conscientiousness*, *extraversion* dan *agreeableness*. Menurut Rottinghaus *et al.* (2005), terdapat perhubungan positif di antara kerjaya dengan dimensi personaliti *extraversion*, *openness* dan *conscientiousness*. Pendapat tersebut juga disokong oleh Lounsbury *et al.* (2005) dengan menyatakan bahawa dimensi personaliti *conscientiousness*, *openness* dan *agreeableness* memberi perhubungan yang positif dan nyata dengan pemilihan kerjaya.

Secara keseluruhannya, seorang pendidik seharusnya mempunyai kelima-lima dimensi personaliti tersebut. Secara tidak langsung, personaliti memberi impak kepada dunia pendidikan. Walau bagaimanapun, satu daripada lima dimensi tersebut iaitu *neuroticism* diperlukan pada tahap yang rendah berbanding yang lain pada tahap yang tinggi. Hal ini disebabkan seorang pendidik seharusnya jujur dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya, berfikiran kreatif dalam mengendalikan kelas dan pelajar, sentiasa berani berdepan dengan masalah yang timbul dan menanganinya dengan bijak.

RUMUSAN

Secara kesimpulannya, pelajar Sarjana PTV semester I di UTHM mempunyai dimensi personaliti yang tergolong dalam *big five-personality* pada tahap yang tinggi. Berdasarkan pendapat responden, kebanyakannya memberi pendapat bahawa sebagai bakal pendidik personaliti diperlukan dalam diri. Antaranya ciri-ciri tersebut adalah berkeyakinan tinggi, melakukan tugas dengan sistematik dan rasa tanggungjawab, ingin menabur jasa kepada masyarakat dan negara, peramah dan boleh berkomunikasi dengan sesiapa sahaja dengan baik, mempunyai pengetahuan yang meluas, bijak dalam menangani emosi diri dan pelajar, mempunyai sahsiah dan perwatakan yang baik, berdedikasi dan penyabar. Ciri-ciri tersebut adalah merangkumi dalam dimensi personaliti yang dikaji.

Dalam penyediaan bakal peneraju negara, seorang bakal pendidik seharusnya mempunyai personaliti yang baik dan menarik serta memenuhi kriteria profesion keguruan. Ini seharusnya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh yang demikian, seorang pendidik perlulah terdiri daripada golongan yang beretika dan mempunyai personaliti yang menarik dalam memartabatkan bidang keguruan sebagai bidang profesional. Dengan itu, maka penyediaan barisan generasi yang berilmu, berketerampilan dan bersahsiah mulia dapat dilahirkan dalam mengharungi cabaran globalisasi.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Fawziah Yahaya, Zurihanmi Zakariya & Noordin Yahaya. (2005). "Pembangunan Kendiri." Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Atchoarena, D. Ed. (2000). "The Transition of Youth From School to Work: Issues and Policies." International Institute for Educational Planning: UNESCO.
- Ee Ah Meng (1992). "Psikologi Perkembangan Aplikasi Dalam Bilik Darjah." Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 163-177.
- Feshbach, S., Weiner, B. & Bohart, A. (1996). "Personality." Edisi keempat. Toronto: D.C. Heath and Company.
- Freiberg, H. J. (1999). "Scholl Climate: Measuring, Improving and Sustaining Healthy Learning Environments." Philadelphia: Falmer Press. 103-107.
- Gordon, H.R.D. dan Yocke, R (1999). "Relationship between Personality Characteristics and Observable Teaching Effectiveness of Selected Beginning Career and Technical Education Teachers." Journal of Vocational and Technical Education. Vol 16 (No 1).
- Grubb, W. N. (2002). "Who Am I: The Inadequacy of Career Information In The Information Age." Berkeley: U.S.A.
- Heinström, J. (2003). "Five Personality Dimensions and Their Influence on Information Behaviour." Vol. 9 (No. 1). <http://informationr.net/ir/9-1/paper165.html>
- Kamalul Hayat (2005). "Persediaan Pelajar Sarjana PTV Terhadap Profesion Keguruan dari Aspek Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Lew, J. F. (1977). "Teaching and The Teacher's Personality." Education Journal. (No VI). <http://sunzi1.lib.hku.hk/hkjo/view/33/3300006.pdf>.
- Lounsbury, J. W., Hutchens, T. & Loveland, J.M. (2005). "An Investigation of Big Five Personality Traits and Career Decidedness Among Early and Middle Adolescents." Journal of Career Assessment. Vol 13. 25-39. <http://jca.sagepub.com/cgi/reprint/13/1/25>
- Mok Soon Sang (2000). "Pendidikan Di Malaysia." Edisi ketujuh. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. 228-243.
- Mok Soon Sang (2002). "Pedagogi untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3." Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Moran, A., Kilpatrick, R., Abbot, L., Dallat, J. & McClune, B.(2001). "Training To Teach: Motivating Factors and Implications for Recruitment." Evaluation and Research in Education. Vol 15 (No 1).
- Nor Azrin Ahmad Bahar (2005). "Dimensi Personaliti Pelajar Sarjana Pendidikan." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Power C. N. (2000). "Global Trends in Education." International Education Journal. Vol 1 (No 3). 152-163. <http://ehlt.flinders.edu.au/education/iej/articles/v1n3/power/power.pdf>

- Rottinghaus, P. J., Day, S.X. & Borgen, F.H. (2005). "The Career Futures Inventory: A Measure of Career-Related Adaptability and Optimism." *Journal of Career Assessment*. Vol. 13 (No. 1). <http://jca.sagepub.com/cgi/reprint/13/1/3.pdf>
- Rusli Amir (2001). "Kesediaan Pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) ke Arah Pembentukan Seorang Pendidik Yang Cemerlang." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Talbott J.K. (2005). "The Relationship Between Observable Teaching Effectiveness Behaviours and Personality Types In A Sample Of Urban Middle School Teachers." ProQuest Information and Learning Company (United States).
- Walker, K. (2004). "Teachers and Teacher World-views." *International Education Journal*. Vol 5 (No 3). <http://ehlt.flinders.edu.au/education/iej/articles/v5n3/walker/paper.pdf>